



SEMBAH ALU-ALUAN

**YANG BERHORMAT
PEHIN UDANA KHATIB DATO PADUKA SERI SETIA
USTAZ HAJI AWANG BADARUDDIN BIN PENGARAH
DATO PADUKA HAJI AWANG OTHMAN,
*MENTERI HAL EHWAL UGAMA.***

**DI MAJLIS
SAMBUTAN ISRA' DAN ME'RAJ PERINGKAT NEGARA
BAGI TAHUN 1446 HIJRAH / 2025 MASIHI**

**PADA HARI ISNIN,
27 REJAB 1446H BERSAMAAN 27 JANUARI 2025M**

**BERTEMPAT DI DEWAN PLENARY
PUSAT PERSIDANGAN ANTARABANGSA,
BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَبِهِ نَسْتَعِينُ عَلَىٰ أَمْوَارِ الدُّنْيَا وَالدِّينِ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَىٰ أَشْرَفِ الْأَئِمَّةِ
وَالْمُرْسَلِينَ سَيِّدُنَا مُحَمَّدٌ وَعَلَىٰ أَلْهُ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Mengadap Kehadapan Majlis,
Kebawah Duli Yang Maha Mulia
Paduka Seri Baginda Sultan
Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah
Ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien,
Sa'adul Khairi Waddien,
Sultan dan Yang Di-Pertuan,
Negara Brunei Darussalam.

Ampun Beribu Ampun,

Alhamdulillah wasysyukru Lillah.

Maka dengan penuh ta'zim hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan bahawa Majlis Sambutan Isra' dan Me'raj pagi ini adalah dengan izin Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan dengan berkat daulat Kebawah Duli Tuan Patik dapat berlangsung sebagai menandakan komitmen kita senegara yang berpemerintahan beraja adalah konsisten pada 27hb Rejab setiap tahun memperingati peristiwa yang bersignifikan mu'jizat, iaitu Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah meng-*Isra'*kan Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* Junjungan Besar kita dari Masjid al-Haram di Mekah ke Masjid al-Aqsa di Palestin dan dari sana Allah *Subhanahu wa Ta'ala* me-Me'rajkan Baginda ke *Sidratul Muntaha* di langit yang tinggi.

Maka sesungguhnya keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik ke majlis ini dan majlis-majlis sambutan memperingati hari-hari bersejarah Islam

peringakat negara yang kita peringati adalah bukti perhatian berat Kebawah Duli Tuan Patik terhadap usaha-usaha mensyi'arkan kerasmian Islam sebagai ugama negara dengan ajarannya menjadi pedoman dalam berpemerintahan dengan kepimpinan yang jelas, tegas berwawasan.

Oleh yang demikian maka sekalian hamba Kebawah Duli Tuan Patik yang menyelanggarakan acara pagi ini dan sekalian hadirin di majlis ini menjunjung kasih atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik dengan mendoakan semoga Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sentiasa merahmati Kebawah Duli Tuan Patik dengan 'inayah pertolongan serta *hidayah* petunjuk dan pedoman-Nya serta meneguhkan kepimpinan Kebawah Duli Tuan Patik yang bijaksana dan tegas berwawasan itu. Seterusnya dengan rahmat kasih sayang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* juga semoga Kebawah Duli Tuan Patik dan ahli Kerabat Diraja Kebawah Duli Tuan Patik sentiasa dalam *ri'ayah* Allah *Subhanahu wa Ta'ala* sihat dan bahagia. *Allahumma aamiin ya! Rab al-'Aalamiin.*

Seterusnya disebahkan bahawa seperti lazimnya negara menyambut dan mera'ikan hari-hari bersejarah Islam adalah untuk mengambil pengajaran dari setiap peristiwanya.

Pengajaran yang terpenting dalam peristiwa *Isra'* dan *Me'raj* ialah mengenai sembahyang lima waktu yang difardhukan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* dan kepada kita umat Islam di semua zaman dan keadaan, sebagaimana firman-Nya ayat 103 Surah an-Nisaa':

فَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَوْقُوتًا

Kerana itu kita memilih tema Sambutan *Isra'* dan *Me'raj* tahun ini dengan mengungkapkan rangkaian kata: *Sembahyang Mencerdaskan Minda*. Tema ini selaras dengan usaha negara yang sedang menangani isu gejala mental.

Dalam usaha menangani isu gejala mental itu kita di Brunei memilih pendekatan yang menyepadukan usaha kerohanian dengan usaha dalam

bidang saintifik. Artinya ialah kita tahu dan kita yakin bahawa dalam menangani gejala mental ibadat sembahyang adalah menjadi rawatan kerohanian untuk disepadukan dengan rawatan secara saintifik.

Keyakinan kita itu antaranya ialah berdasarkan sebagaimana yang Allah *Subhanahu wa Ta'ala* memberitahukan dalam ayat 19 - 23 bahawa kita manusia ini semulajadi diciptakan-Nya dengan bersifat gelisah lagi bakhil-kedekut. Apabila ditimpa kesusahan kita akan mudah berkeluh kesah atau *inda tantu rasa, gelisah*. Apabila dalam keadaan baik, senang linang kita akan bakhil kedekut. Tapi tidak sedemikian halnya kepada orang yang penyembahyang, yang konsisten menunaikan sembahyang.

إِنَّ الْإِنْسَنَ خُلِقَ هُلُوقًا ﴿١٩﴾ إِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ جَرُوعًا ﴿٢٠﴾ وَإِذَا مَسَّهُ الْخَيْرُ مُنْوَعًا ﴿٢١﴾ إِلَّا الْمُصَلِّينَ

الَّذِينَ هُمْ عَلَىٰ صَلَاتِهِمْ دَائِمُونَ ﴿٢٢﴾

Maka sedemikian itu antara pengajaran daripada peristiwa Isra' dan Me'raj yang kita sambut dan ra'ikan.

Dengan itu diharapkan akan menjadi sebahagian suntikan dalam memperteguh penghayatan berugama yang sedia dipelajari di sekolah-sekolah, difahami dan dikaji di peringkat pengajian tinggi, didakwahkan secara meluas. Maka insyaa Allah semua itu, dengan berkat kepimpinan bijaksana, berwawasan serta berwibawa Kebawah Duli Tuan Patik akan selayaknya menjadikan setiap individu muslim, bahkan kita senegara yakin bahawa ajaran dan fahaman berugama yang ditanamkan melalui pendidikan formal dan non formal, yang seterusnya disemarakkan dengan dakwah berterusan secara meluas, telah dan akan sentiasa membekalkan generasi kita sekarang dan generasi yang akan datang menjadi individu muslim, yang teguh berfahaman dan berpegangan ugama yang betul. Dengan sedemikian itu yakin dan percaya terhadap diri sendiri, dapat menghadapi semua suasana dan keadaan dengan mencapai kejayaan hidup yang baik seimbang dunia dan akhirat, sebagaimana yang kita pohonkan kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*:

رَبَّنَا آتَنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةٌ وَقَنَا عَذَابَ النَّارِ

Ampun Beribu Ampun -

Demikianlah disembahkan. Sebelum mengakhiri sembah alu-aluan ini sekali lagi hamba Kebawah Duli Tuan Patik menyembahkan sembah junjung kasih Kehadapan Majlis Kebawah Duli Tuan Patik di atas keberangkatan Kebawah Duli Tuan Patik. Dan seterusnya hamba Kebawah Duli Tuan Patik juga dengan penuh takzim menyembahkan sembah junjung kasih atas keberangkatan:

Paduka-Paduka Anakanda Kebawah Duli Tuan Patik:

- Duli Yang Teramat Mulia
Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota
Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah
Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri.
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Malik,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda Abdul Mateen,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Wakeel,

Paduka-Paduka Adinda Kebawah Duli Tuan Patik,

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir
Sahibul Himmah Wal-Waqar
Pengiran Muda Mohamed Bolkiah,

- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Bendahara
Seri Maharaja Permaisuara
Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah,
- Duli Yang Teramat Mulia,
Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal
Pengiran Muda Haji Jefri Bolkiah,

Seterusnya sembah junjung kasih di atas keberangkatan:

- Yang Amat Mulia
Pengiran-Pengiran Cheteria

Dan ucapan terima kasih di atas kehadiran:

- Yang Berhormat
Penasihat Khas Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.
- Yang Berhormat
Yang Di-Pertua Majlis Mesyuarat Negara.
- Yang Berhormat Menteri-Menteri Kabinet,
- Ahli-Ahli Majlis-Majlis Diraja,
- Timbalan-Timbalan Menteri,
- Tetamu-Tetamu Kenamaan lainnya,
- Duta-Duta, Pesuruhjaya Tinggi dan Diplomat-Diplomat Negara-Negara Sahabat,
- Dhif-Dhif yang dihormati,
- Para hadirin - hadirat yang berbahagia sekalian.

Ucapan terima kasih dan penghargaan yang setinggi-tingginya juga dirakamkan kepada Yang Mulia Professor Dr. Ustaz Haji Abdul Somad yang telah menyampaikan syarahnnya, dan kepada penyampai bacaan ayat-ayat

suci al-Quran, Yang Mulia Awang Abdul Qawiyyel Azeez bin Haji Abd Rajid, Johan Qari Musabaqah Tilawah Quran Belia Kebangsaan 1445H/2024M Peringkat Akhir, dan penyampai Tadabbur, Yang Mulia Awang Fariszal bin Ali, Penolong Kaunselor Penjara, Jabatan Penjara, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri. Seterusnya semua pihak yang turut sama terlibat mengungkayahkan serta menjayakan majlis yang berkebajikan ini dari awal hingga akhir. Semoga segala usaha dan sumbangan murni lagi ikhlas itu akan mendapat keberkatan dan ganjaran pahala yang berlipat ganda dari Allah *Subhanahu wa Ta'ala* jua. Amin ya rabbal 'alamin.

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَا
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

Hamba Kebawah Duli Tuan Patik Menjunjung Anugeraha.

- Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia
Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah
Dato Paduka Haji Awang Othman,
Menteri Hal Ehwal Ugama.

Pejabat Menteri Hal Ehwal Ugama
23hb Rejab 1446 / 23hb Januari 2025